



ZAHIDI (tengah) menyaksikan Surina (duduk kanan) dan Ong (duduk kiri) menandatangani perjanjian kerjasama antara MDEC dan Mastercard di Cyberjaya.

## Salur subsidi PKS melalui platform digital

Cyberjaya: Kerajaan akan mengkaji penggunaan kaedah digital untuk menyalurkan bantuan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan syarikat mikro, selaras usaha untuk mempercepat peralihan kepada pendigitalan operasi perniagaan usahawan berkaitan di Malaysia.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Zahidi Zainul Abidin berkata, langkah penyaluran bantuan, subsidi dan dana

mudah menggunakan platform digital dilihat menjadi keperluan penting bagi membolehkan syarikat PKS dan mikro mengadaptasi platform digital dalam urusan perniagaan.

"Kami akan melihat perkara ini untuk penyaluran bantuan berikutnya kepada PKS dan mikro supaya usaha mendigitalkan perniagaan PKS dan mikro dapat dipercepatkan.

"Kerajaan akan memberi

tumpuan dalam memberikan sokongan syarikat PKS dan mikro pulih dari kesan Covid-19 serta beralih kepada perniagaan digital," katanya pada sidang media selepas majlis memeterai memorandum persefahaman (MoU) antara Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) dan Mastercard di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif MDEC, Surina Shukri serta Pengurus Negara Malaysia dan Brunei Mastercard, Perry Ong.

Menjelaskan rancangan itu, Surina berkata, kerajaan akan melihat ekosistem kewangan digital secara keseluruhan bagi mempercepatkan peralihan perniagaan PKS dan mikro termasuk penyaluran bantuan kewangan kepada perniagaan.

Beliau berkata, MDEC tidak menolak kemungkinan meneroka beberapa kerjasama dengan pelbagai syarikat penyedia kewangan bagi meningkatkan akses pilihan kepada usahawan.